

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN KHAIRY JAMALUDDIN
[REMBAU]

SOALAN NO. 213

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah jumlah rakyat Malaysia yang akan terlibat di dalam rancangan program visa pekerja kolar biru ke negara Jepun dan apakah sektor pekerjaan yang terlibat serta bagaimanakah program ini mampu mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Hubungan Malaysia-Jepun yang menyaksikan kemajuan memberangsangkan sejak hubungan diplomatik terjalin pada tahun 1957 akan terus diperluas melalui jalinan kerjasama dan pendekatan baharu yang efektif. Ini adalah selaras dengan hasrat negara menerusi Dasar Pandang ke Timur (LEP) 2.0. Pada masa kini, Jepun sedang memasuki fasa *ageing population* di mana 27% daripada keseluruhan 127.11 juta penduduknya berumur 65 tahun ke atas. Sehubungan itu, Kerajaan Jepun telah mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan beberapa negara Asia dalam membekalkan pekerja mahir dalam sektor-sektor tertentu (*specified skilled worker*) bagi menampung keperluan industri yang pesat membangun.

SOALAN NO: 213

2. Kerajaan Jepun mensasarkan pengambilan pekerja mahir seramai anggaran 350,000 orang bagi memenuhi keperluan industri di Jepun. Setakat April 2019, Kerajaan Jepun telah menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) dengan 5 buah negara lain. Kerajaan Jepun telah mengenal pasti 14 sektor industri atau bidang pekerjaan yang akan menawarkan peluang pekerjaan kepada pekerja mahir Malaysia. Walau bagaimanapun, perkara ini masih dalam fasa perbincangan dan belum dimuktamadkan.

3. Pelaksanaan MoC ini dilihat dapat membuka ruang dan peluang kepada pekerja mahir negara mengorak langkah membina kerjaya yang baik di Jepun seterusnya meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Perkara ini akan menjadi galakan dan dorongan khususnya kepada golongan belia untuk memilih bidang kemahiran atau TVET sebagai prospek kerjaya yang berpotensi meraih pendapatan yang lebih baik.

4. Kerjasama ini juga perlu dilihat dari perspektif yang lebih luas di mana peluang menimba pengalaman serta proses *transfer of technology* dari Jepun akan dapat di aplikasi dalam memperkukuh sektor industri negara apabila pulang ke Malaysia kelak. Penyesuaian budaya kerja dan etika baik yang diamalkan di Jepun akan turut menjadi pemangkin dalam meningkatkan kemajuan negara.

5. Hubungan kerjasama antara Malaysia dan Jepun dalam menyediakan peluang pekerjaan kepada pekerja mahir tertentu dapat menyumbang kepada pengurangan kadar pengangguran negara terutamanya bagi golongan belia yang sekarang ini mencecah 10.9% pada tahun 2018.